

KAMPUS

Kita juga ada cerita



GAJET @ KAMPUS

Gajet kini jadi keperluan penting dalam kehidupan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT). Fungsinya yang pelbagai menjadikan ia alatan wajib dimiliki. Bergelar penuntut IPT kini tidak lengkap tanpa komputer riba (laptop), begitu juga telefon pintar. Sama ada mampu atau tidak, seorang penuntut IPT perlu seiring dengan

ledakan teknologi. Memberi definisi yang berbeza bagi mereka yang mampu memiliki gajet berjenama, namun jenama bukan isu penting yang mampu meniadakan fungsi sebenar gajet dalam kehidupan. Ibu bapa yang berjauhan pasti merindui anak dan telefon bimbit amat diperlukan dalam perhubungan yang membawa erti besar dalam sesebuah

institusi kekeluargaan. Begitu juga peranan komputer riba, tablet, serta gajet-gajet lain, yang berfungsi memudahkan tugas dan menyempurnakan kelestarian sejagat. Galakan daripada kerajaan dengan menyediakan rebat untuk golongan ini memiliki telefon pintar adalah langkah bijak yang menyumbang kepada masyarakat yang lebih pintar teknologi.

Sekali imbas, tidak nampak keburukannya, namun teknologi tinggi juga mampu meninggalkan kesan negatif. Bayangkan jika masing-masing menghadap gajet, hubungan harmoni yang terjalin juga sepi, kekeluargaan menjadi renggang.

LIHAT HALAMAN 4 & 5

Penting untuk komunikasi

GAJET seperti telefon pintar kini satu keperluan. Lebih tepat kepada keperluan berkomunikasi. Hari ini rata-rata orang ramai menggunakan aplikasi *WhatsApp* untuk berhubung, kerana kosnya rendah dan mudah. Jika kita menghalang pelajar menggunakan telefon pintar secara total, ia bermakna kita menghalang sebahagian wahana penting untuk berkomunikasi.

Namun, jika penggunaan telefon pintar tidak dikawal terutama pelajar sekolah rendah dan menengah boleh membawa padah. Dikhuatiri terdedah dengan maklumat tidak tepat dan antara yang baik serta tidak berfaedah.

Peranan ibu bapa dan keluarga sangat penting kerana ibu bapa juga pengguna tegar. Dan kebanyakan rakan anak-anak juga memilikinya. Jika kita ada maklumat menarik di telefon pintar, kongsi dengan mereka. Pada masa yang sama galakkan mereka berkongsi maklumat yang bermanfaat. Jadikan *WhatsApp*, *Twitter*, *Facebook* sebagai alat berkomunikasi antara ibu bapa dan anak-anak. Ibu bapa perlu sedarkan anak, telefon pintar itu hanyalah alat untuk berhubung, bukan pengganti kepada komunikasi itu sendiri.

DR MOHD FAIZAL KASMANI
Pensyarah Kanan
Fakulti Kepimpinan
dan Pengurusan
Usim



Memudahkan urusan harian

PENDAPAT saya, gajet amat penting. Dengan gajet kita mudah berhubung. Jika dahulu kita gunakan 100 peratus kredit, hantar khidmat pesanan ringkas (sms) atau berbual, kini adanya internet lebih mudah. Pelbagai gajet bersaiz kecil dan aplikasi memudahkan ia dibawa ke mana sahaja, serta mampu akses pelbagai bahan. Jika mahu lihat pada keburukan, ia terpulung kepada orang mengendalikan gajet itu. Mudah kata, tepuk dada tanya iman. Bagi saya ramai berpandangan ia bawa kepentingan menyiapkan tugas, tetapi dalam masa sama timbul pula isu salah guna.

Saya juga tidak menafikan. Kadang-kadang ada masa penuntut tertekan dengan tugas, lalu melayari perkara tidak berfaedah.

Sesetengah pula meredakan tekanan menonton cerita, ada yang bersembang di laman sosial, bermain permainan online, dan ada yang suka berjam-jam di depan komputer. Ia kembali kepada diri kita juga. Namun keutamaan

penting gajet pada saya mestilah untuk berhubung dan khidmat sms. Selepas itu, barulah komputer riba, sebab untuk membuat pelbagai projek dan tugas. Jika berpeluang untuk memiliki gajet yang canggih sudah tentu saya pilih laptop baharu ataupun iPhone 6.

MOHD ZAINOR FAIZ ZAINORDIN
Penuntut Usim

